

Kiblat Satu Pandangan Dari Fiqh

Muqaddimah

Kiblat merupakan sebahagian syarat dalam pelbagai ibadah umat Islam terutama solat. Namun mengadap kiblat juga wajib ketika melakukan tawaf di baitullah dan meletakkan jenazah di dalam liang lahad. Sunat menghadapi kearah kiblat ketika membaca al-quran, berdoa, berzikir, tidur dan lain-lain aktiviti harian yang berkaitan. Manakala Haram menghadapi kearah kiblat ketika membuang air besar atau kecil.

Dalil Pensyariatan :

1. Surah al-Baqarah : 115 : Firman Allah SWT :

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَسِيعُ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

115. dan Allah jualah Yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah Yang diredhai Allah; Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa mengetahui.

Tafsir :

Ada sebahagian Ulama' menyatakan bahawa ayat ini turun berdasarkan hadis Nabi SAW dari Amir Bin Rabiah ketika mana para sahabat suatu ketika bersolat dalam keadaan gelap malam. Maka mereka pun bersolat berdasarkan arah yang mereka yakini. Maka setelah hari siang maka mereka dapati qiblat mereka tadi tidak tepat. Maka diadukan kepada Nabi SAW maka turunlah ayat ini. Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi (ia didhoifkan oleh Imam Tirmizi sendiri).

Dr. HAMKA menyimpulkan hal ini, bahawa solat ketika mana di dalam kenderaan yang bergerak, sedangkan kita tidak mampu untuk menentukan arah yang tepat atau mengadapnya, maka dibolehkan untuk kita solat ke mana arah yang kita mampu.

2. Surah al-Baqarah : 144 : Firman Allah SWT :

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ
عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

144. Kerap kali Kami melihat Engkau (Wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan Engkau berpaling mengadap kiblat Yang Engkau sukai. oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. dan Sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) Yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui Bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah Yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa Yang mereka lakukan.

KURSUS
Penelitian Arah
Kiblat
24/10/2017
@ INSTUN.

Tafsir :

Di dalam tafsir al-Azhar menyatakan bahawa setiap kali solat baginda sering melihat ke langit kerana kerinduan baginda untuk mengadap ke arah kaabah

Nabi SAW dan para sahabat telah pun berqiblat ke Baitul Maqdis selama kira-kira 16 atau 17 bulan. Namun begitu, baginda SAW telah tawar hati daningin sekali kiranya Allah benarkan mereka mengadap ke arah Ka'abah. Hal ini kerana hati Nabi SAW tersinggung oleh kata-kata orang-orang Yahudi, katanya:¹

"Muhammad membawa agama yang berlawanan dengan agama kami, tetapi berqiblat pula mengikut kami"

Apabila Baginda SAW bertemu malaikat Jibril, baginda pun berkata kepada Jibril:

"Saya ingin kalau Allah memalingkan saya ke arah Ka'abah-qiblat bapa saya Ibrahim"

Malaikat pun menjawab:

" Saya ini hamba Allah seperti tuan juga, tetapi tuan lebih mulia di sisiNya. Pintalah kepadaNya kerana tuan ada bertempat meminta."

Maka malaikat Jibril pun naik ke langit untuk menyampaikan permintaan dari Nabi SAW.

Kerana cemuhan oleh orang-orang Yahudi, Nabi SAW sering mengadap ke langit dan mengharapkan kalau-kalau turunnya wahyu supaya diperintahkan untuk ditukarkan qiblat. Oleh sebab itulah Allah telah menurunkan wahyu surah al-Baqarah ayat 144 tersebut.

3. Surah al-Baqarah : 149-150 : Firman Allah SWT :

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ لِلْحَقِّ مِنْ رَبِّكَ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾ وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۗ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۚ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي ۚ وَلِأَنَّكُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥٠﴾

149. dan dari mana sahaja Engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (Kaabah); dan Sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan Segala apa Yang kamu lakukan.

150. dan dari mana sahaja Engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya, supaya tidak ada lagi (sebarang) alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu), kecuali orang-orang Yang zalim di antara mereka (ada sahaja Yang mereka jadikan alasan). maka janganlah kamu takut kepada (cacat cela) mereka, dan takutlah kamu kepada Ku (semata-mata);

¹ Muhammad Idris Abd. Rauf al-Marbawi al-Azhari, *Bahru al-Mazi*, Dar al-Fikr: Beirut, 1955, jil. 2, him: 40

dan supaya Aku sempurnakan nikmatKu kepada kamu, dan juga supaya kamu beroleh petunjuk hidayah (mengenai perkara Yang benar).

Tafsirnya :

Abul Aliyah telah menafsirkan ayat ini dengan menyatakan :

" Orang Yahudi mempunyai arah yang ditujuinya, orang Nasrani pun mempunyai yang ditujuinya. Tetapi kamu wahai umat Islam, telah ditunjukkan Allah kepadamu kiblatmu yang sebenar."

Di dalam tafsir al-Azhar menyatakan bahawa Nabi Ibrahim a.s berkiblat ke arah Kaabah, ummat Yahudi berkiblat ke Baitul Maqdis, ummat Nasrani berkiblat ke sebelah Timur, dan nabi-nabi yang lain juga mempunyai arah kiblat mereka sendiri.

Kaabahlah kiblat ummat Nabi Muhammad SAW yang tidak berubah hingga hari kiamat, samada kita berada di manapun samada di timur, barat, utara mahupun selatan, hadaplah ke arah kaabah. Ini berdasarkan hadis dari Ibn Abbas r.a, bahawa :

إن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : البيت قبله لأهل المسجد والمسجد قبله لأهل الحرم والحرم قبله لأهل الأرض

Bermaksud : " Sesungguhnya Rasul SAW berkata : Baitullah (kaabah) adalah kiblat bagi orang-orang yang berada di dalam masjid. Masjid adalah kiblat bagi orang-orang yang tinggal di Tanah Haram (sekeliling makkah) dan tanah Haram adalah kiblat bagi seluruh penduduk bumi."

(Riwayat al-Baihaqi-Imam Tarmizi menyatakan hadis ini dhoif)

4. Berdasarkan hadis diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi (338) :

عن البراء بن عازبٍ ، قال : «لما قدم رسولُ الله المدينةَ صَلَّى نَحْوَ بَيْتِ الْمُقَدَّسِ سِتَّةَ أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا. وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَحْبُ أَنْ يُوجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: {قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ} فَوَجَّهَهُ إِلَى الْكَعْبَةِ، وَكَانَ يَحِبُّ ذَلِكَ. فَصَلَّى رَجُلٌ مَعَهُ الْعَصْرَ ثُمَّ مَرَّ عَلَيَّ قَوْمٌ مِنَ الْأَنْصَارِ وَهُمْ رُكُوعٌ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ نَحْوَ بَيْتِ الْمُقَدَّسِ فَقَالَ: هُوَ يَشْهَدُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ وَأَنَّهُ قَدْ وَجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ. (قال): فَاخْرَفُوا وَهُمْ رُكُوعٌ.»

Bermaksud : Dari al-Bara' ibn Azib berkata : 'Ketika mana Rasul SAW datang ke Madinah, baginda bersolat dengan menghadap ke arah Baitul Maqdis selama enam atau tujuh belas bulan. (Namun) Rasulullah menyukai menghadap ke arah kaabah. Maka turunlah ayat :

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Bermaksud : "Kerap kali Kami melihat Engkau (Wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan Engkau berpaling menghadap kiblat Yang Engkau sukai. oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah)."

(Surah al-Baqarah : 144)

Maka seorang lelaki telah bersembahyang asar bersama baginda, melalui orang-orang Ansar yang ketika itu sedang rukuk bersolat asar menghadap ke arah baitul Maqdis,, maka lelaki itu pun berkata dengan bersaksi bahawanya dia telah bersolat bersama Rasul SAW dan baginda SAW solat dengan menghadap ke arah Kaabah. Maka mereka semua berpalinglah sedang mereka ketika sedang rukuk.'

5. Berdasarkan hadis diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (392) :

عن أبي أيوب الأنصاري أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا، وَلَكِنْ شَرِّقُوا أَوْ غَرِّبُوا"

Bermaksud : *Dari Abi Ayyub al-Ansori bahawa Nabi SAW bersabda : " Apabila kamu hendak membuang air besar, maka janganlah kamu menghadap ke arah kiblat dan janganlah membelakanginya, akan tetapi hadaplah ke arah timur atau ke arah barat.*

Takrif Kiblat

Imam Taqiyuddin di dalam kitabnya Kifayatul Akhyar :

' Kiblat ialah kaabah. Kaabah dikatakan kiblat, kerana setiap orang yang melakukan solat pasti menghadap ke arah kiblat itu. Disebut Kaabah kerana bentuknya tinggi.'

Hukum Menghadap Kiblat

Di dalam kitab Fiqh Mazhab Arbaah oleh Imam Abdul Rahman al-Jaziri, menyatakan bahawa hukum menghadap kiblat merupakan sebahagian dari syarat-syarat sah solat berdasarkan dalil dari al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Dalam mazhab Syafie wajib bagi seseorang yang dekat mahupun jauh menghadap ke arah ain Kiblat ataupun hawanya (ke atas dan ke bawah).

Di dalam kitab Fathul Muin, karangan Syeikh Zainuddin Bin Abd. Aziz al-Malbariy menyatakan, bahawa :

" Menghadap arah kiblat itu dengan menghadap dada ke kiblat iaitu kaabah. Oleh kerana itu tidak cukup hanya menghadap ke arah kiblat, lain halnya dengan pendapat Abu Hanifah rhm, kecuali bagi orang yang tidak dapat menghadapinya, atau pada solat khauf, sekalipun dalam solat fardhu. Orang ini boleh melakukan solat dengan sebolehnya, berjalan kaki atau berkenderaan, menghadap kiblat atau tidak, dapat dicontohkan di sini orang yang melarikan diri dari bahaya, air bah, binatang luas, ular dari pemiutang apabila kesulitan membayar hutangnya dan lari kerana takut akan ditahan musuh."

Di dalam kitab Bughyatul Tullab, Syeikh Daud Bin Abdullah Fatoni menyatakan bahawa wajib menghadap kiblat itu adalah berdasarkan zat, hawa atasnya hingga langit ketujuh dan ke bawahnya hingga bumi ketujuh.

Hukum Belajar Ilmu Menentukan Arah Kiblat

Syeikh Tahir Jalaluddin menyatakan dalam Natijatul Umur :

" Dan sesungguhnya jadi fardhu ain mempelajari dalil-dalil Kiblat atas orang yang berkehendak belajar pada pelayaran yang seumpama itu dan jika tidak maka haram atasnya belajar, dan tidaklah harus

baginya menqasar sembahyang kerana ia derhaka dengan pelayarannya itu bagaimana yang dinyatakan dia oleh al-Allamah Ibn Hajar al-Haitami di dalam Hasyiah al-Idhoh.”

Syeikh Daud Bin Abdullah Fatoni dalam kitabnya Bughyatul Tullab menyatakan bahawa wajib bagi orang yang hendak bermusafir belajar menentukan kiblat. Ia fardhu ain jika tiada siapa pun di kalangan kumpulan musafir itu yang tahu tentang kaedah penentuan kiblat. Namun jika dalam kumpulan yang sudah mereka mengetahuinya, maka hukumnya fardhu kifayah. Begitu juga dalam sebuah negara, kampung atau bandar wajib kifayah untuk menyediakan seorang yang mahir dalam menentukan hal ini.

Ketika Dr. Hamka menafsirkan ayat 149: surah al-Baqarah, beliau menyatakan dalam kesungguhan melaksanakan perintah menghadap kiblat ini, ada mereka yang sanggup belajar ilmu falak semata-mata melaksanakan tugas ini, maka sesungguhnya Allah SWT tidak sekali-kali mengabaikan kesungguhan itu untuk diganjariNya nanti.

Apakah Hukumnya Jika Yang Menentukan Itu Orang Bukan Islam

Di dalam Kitab Kifayatul Akhyar ucapan dan pemberitahuan dari seorang yang kafir malah orang yang fasik mengenai arah kiblat tidak boleh dipegang dalam hal ini.

Cara mengetahui arah kiblat

Di dalam kitab-kitab seperti Kifayatul Akhyar dan Fiqh al-Manhaji dinyatakan bahawa terdapat 2 keadaan dalam hal ini:

1. Orang berada berdekatan dengan Kaabah. Maka bagi mereka ini perlulah menghadap arah kiblat dengan ain (zat) kaabah itu sendiri. Jika sebahagian dari anggota badanya keluar dari garis lurus Kaabah, maka batallah solatnya menurut qaul yang asah. Bagi mereka tidak sah untuk mereka berjihad melainkan perlulah ia berasaskan kepada keyakinan.
2. Orang yang berjauhan dengan Kaabah. Maka bagi mereka perlulah menghadap ke arah kiblat dengan ain (zat) kaabah, namun ia memadai berasaskan dalil-dalil yang dzanni jika tidak boleh berasaskan dalil Qatie (yakin). Namun dalam kitab Kifayatul Akhyar menyatakan ada sebahagian ulama; yang menyatakan cukup berdasarkan perkiraan saja.

Petunjuk-Petunjuk Arah Kiblat

Dalam kitab Kifayatul Akhyar menyatakan bahawa ijihad untuk menentukan arah kiblat tidak sah jika tidak menggunakan dalil-dalil penunjuk arah kiblat. Ijihad paling lemah berdasarkan arah angin yang berubah-ubah. Manakala dalil yang paling kuat dengan menggunakan kedudukan bintang antaranya bintang kutub.

Halangan Dari Melihat Petunjuk Arah Kiblat

Namun jika orang mampu berjihad tetapi terhadap halangan seperti awan yang tebal, malam yang gelap maka di dalam Kitab Kifayatul Akhyar menyatakan hal ini mempunyai dua keadaan :

1. Tidak boleh bertaqlid, sekiranya masih ada waktu sebaliknya perlulah berusaha dan menunggu hingga akhir waktu, namun jika sudah hampir akhir waktu maka boleh dia bertaklid. Bagi mereka yang

tidak mempunyai ilmu langsung dalam berijtihad mencari arah kiblat, maka wajiblah ia bertaklid kepada seorang muslim yang adil.

2. Sebahagian Ulama pula menyatakan wajib bertaklid kepada orang yang lebih dipercayai dan lebih mengetahui. Inilah pendapat yang ditarjih oleh Imam Rafii dalam Syarah al-Shaghir. Manakala al-Qadhi Abu Thayyib menyalin pendapat ini dari Imam Syafie dalam al-Umm.

Tertib-tertib Dalam Menentukan Arah Kiblat

Imam al-Jaziri, di dalam mazhab Syafie menyatakan bahawa tertib dalam menentukan arah kiblat terdapat 4:

1. Jika seseorang sudah sedia maklum arah kiblat di satu-satu tempat seperti masjid, surau, musolla atau rumahnya, maka tidak perlu dia bertanya atau berijtihad setiap kali dia mahu bersolat.
2. Bertanya kepada seseorang yang thiqah dan mengetahui arah kiblat, ataupun jika terdapat alamat-alamat yang boleh dijadikan petunjuk arah kiblat antaranya mihrab masjid yang telah disepakati oleh masyarakat setempat. Namun mihrab-mihrab yang menjadi tempat solat sementara di perjalanan yang tidak diselenggara dengan baik, ia tidak boleh menjadi pegangan yang kukuh. Begitu juga dengan alamat-alamat seperti bintang Qutbi, kedudukan matahari dan bulan.
3. Namun sekiranya tiada seorang pun yang dapat memberitahu arah kiblat atau tiada apa-apa alamat yang boleh dijadikan panduan ketika itu atau tiada mihrab, maka ketika itu bolehlah ia berijtihad dalam menentukan arah kiblat yang diyakini.
4. Namun sekiranya dia tidak mampu berijtihad maka ikutilah mereka yang mampu berijtihad, maka ketika dia itu, wajiblah dia bertaqlid kepada orang boleh berijtihad tadi dan sahlah solatnya

Adakah Seseorang Perlu Berijtihad Ketika Bersolat Di Masjid/Sarau

Di dalam Kitab Kifayatul Akhyar jika seseorang mampu berijtihad apatah lagi yang tidak mampu berijtihad tentang arah kiblat, maka memadai dia berpegang dengan perkhabaran dengan lisan atau tanda pentunjuk seperti mihrab yang lazimnya menjadi tanda arah kiblat. Malah orang buta sekalipun boleh berpegang kepada hal ini dengan memegang mihrab tersebut.

Adakah Perlu Mengubah Arah Kiblat Berdasarkan Ijtihad

Imam Nawawi dalam al-Raudhah menyatakan beberapa keadaan di dalam hal ini :

1. Ketika 2 orang yang mempunyai ijtihad yang berbeza, maka tidak boleh yang satu bertaklid kepada yang lainnya, sebab yang satu pasti meyakini kesalahan yang lain.
2. Jika seorang bertaklid tentang arah kiblat, maka datang seseorang datang dengan memberitahu arah kiblat yang sebenar dengan pengetahuannya sendiri, maka wajib bagi orang bertaklid tadi mengikut pemberitahuan tadi.
3. Jika datang dua orang yang adil memberitahu seseorang tentang arah kiblat berdasarkan ijtihadnya masing-masing, tetapi orang pertama lebih dipercayai kerana kejujurannya atau lebih tahu tanda-tanda arah kiblat, maka tertolaklah pandangan orang kedua, ataupun sebaliknya.

Syeikh Daud Bin Abdullah Fatoni dalam kitabnya *Bughyatul Tullab* menulis :

“ Ijtihad seseorang itu kepada arah yang terlebih kuat dalilnya daripada yang pertama wajib atasnya mengamalkan ijtihad yang kedua kerana bahawasanya ialah yang betul pada dzonnya”

Kemampuan untuk mengadap arah kiblat

Jika seseorang terikat atau mangsa kapal karam di lautan, mereka ini tidak mampu untuk mengadap kiblat. Maka solatlah dengan semampunya tetapi wajib mengulanginya kerana keadaannya adalah nadir (jarang-jarang).

Di dalam kitab *Bughyatul Tullab* sekiranya seseorang jika dia berdiri maka terpesonglah arah kiblatnya, akan tetapi jika duduk maka dia dapat dengan sempurna mengadap kiblat, maka hendaklah dia duduk.

Dalam hal ini solat tidak perlu diulangi tanpa khilaf.

Mengetahui Arah Qiblat Tetapi Gagal Menghadapnya.

Dalam suasana musafir moden masa kini seseorang itu mungkin menghadapi situasi yang berlainan dari apa yang pernah dihadapi oleh para sahabat di zaman Nabi sallallahu-alaihi-wasallam dahulu. Situasinya ialah mengetahui arah qiblat tetapi tidak dapat solat menghadapnya. Masalah ini sering timbul apabila seseorang itu hendak solat dalam pesawat terbang walhal tempat yang ada tidaklah seluas mana hingga sukar bagi dia untuk menghadap qiblat. Suasana lebih sulit apabila pesawat tersebut penuh dengan penumpang manakala anak-anak kapal pula sibuk dengan perkhidmatan kabin lalu menutup sebarang alternatif untuk bersolat dengan sempurna melainkan solat di atas kerusi dan menghadap ke mana sahaja kerusi itu menghadap.

Dr. Ahmad asy-Syarbashi, seorang tokoh fiqh kontemporer dari al-Azhar, Mesir telah membicarakan permasalahan ini dengan menegaskan bahawa seseorang itu tetap wajib berusaha mencari ruang bagi membolehkan dia bersolat fardhu sesempurna mungkin. Antara pilihan yang ada ialah menunggu hingga ke perhentian sementara / transit sebelum mendirikan solat dan jikalau pesawat itu maju terus tanpa berhenti maka bertanyalah kepada anak-anak kapal akan ruang dan ketika yang sebaiknya untuk bersolat dan seterusnya. Jikalau pesawat terbang itu berputar arahnya maka hendaklah dia juga turut sama menukar arah qiblatnya setepat mungkin akan tetapi jikalau tidak diketahui arah dan kadar putaran pesawat maka dibolehkan dia tetap bersolat dengan arah yang dimulainya.

Jikalau ruang yang ada hanya mencukupi untuk berdiri ke arah qiblat tetapi tidak untuk rukuk dan sujud maka berdirilah ke arah qiblat manakala bagi rukuk dan sujud laksanakanlah sehampir mungkin ke arah qiblat. Jika semua ini masih tidak terdaya untuk dilaksanakan maka hendaklah seseorang itu sebagai alternatif terakhir bertakbir ke arah qiblat dan kemudiannya meneruskan solatnya itu ke arah mana yang termampu.

Kesimpulan

Hukum mengadap kiblat adalah satu tajuk yang telah dibahaskan dengan panjang lebar oleh para Ulama' Fiqh. Kepelbagaian furu masail dalam hal ini merupakan petunjuk betapa prihatin para ulama' dalam hal ini. Ini disebabkan menghadap kiblat merupakan satu dari syarat-syarat sah ibadah seperti solat yang merupakan tiang agama. Maka sebagai umat Islam, perlulah kita memastikan pengetahuan kita berkaitan hukum-hukum berkaitan kiblat dapat dikuasai sebaiknya atau sekurang-kurangnya asas pengetahuan ilmu ini. Maka barulah nanti ibadah yang kita laksanakan lebih tepat dan sah seperti yang dikehendaki oleh syarak.

